

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN LIEW CHIN TONG**
[KLUANG]

TARIKH : **23 MEI 2016 (ISNIN)**

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti pada tahun 2016:

- (a) pecahan mengikut setiap negeri, program Mybas, nama dan bilangan syarikat bas henti-henti;
- (b) mengapa peruntukan kepada Johor diberhentikan.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dana Bantuan Sementara Bas Henti-henti (ISBSF) bagi tahun 2016 yang telah diluluskan oleh Kerajaan adalah sebanyak RM142.7 juta.
2. Untuk makluman, peruntukan ISBSF untuk negeri Johor tidak pernah diberhentikan. Untuk makluman, bagi tahun 2016, peruntukan dana ISBSF yang telah diluluskan untuk negeri Johor ialah sebanyak RM19.6 juta.

Sekian, terima kasih.